

Helo Kampus



kampus@utusan.com.my



PKPI SEDIA
PELBAGAI PROGRAM
LATIHAN » 20



IDRIS JUSOH (kanan) menandatangani plak sambil diperhatikan Dr. Mohd. Noh Dalimin sebagai tanda perasmian Pusat Sumber Digital Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (IASWJ) di UTHM, Batu Pahat, Johor, baru-baru ini.

Pusat sumber maya pertama di Asia Tenggara

Memudahkan pelajar UTHM mengakses bahan maklumat digital termasuk bahan kuliah dari seluruh negara

UNIVERSITI Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) baru-baru ini melancarkan Pusat Sumber Digital Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (IASWJ) yang memuatkan sehingga 15,000 kandungan buku, jurnal dan manuskrip untuk rujukan pelajar dan masyarakat.

Penasihat IASWJ yang juga Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) UTHM, Profesor Datuk Dr. Abdul Razak Omar, berkata pusat sumber di bawah projek IASWJ ini telah dibangunkan selama dua tahun dengan lima komponen difokuskan iaitu Pusat Sumber Digital, Klinik Hukum, Klinik Terapi Solat, Klinik Terapi Haji dan Klinik Kerohanian.

Menurutnya, UTHM bekerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta untuk membangunkan Pusat Sumber maya pertama di Asia Tenggara ini dengan memastikan kandungan buku digital itu selari dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.

“Kerjasama ini bukan sahaja membabitkan soal penyediaan bahan-bahan ilmu Islamik secara digital, tetapi turut melibatkan

penelitian rapi oleh kumpulan pakar bagi memastikan bahan tersebut benar-benar mengikut fahaman ASWJ. Bagaimanapun, kira-kira 150,000 buku lagi sedang dalam proses semakan pakar sebelum dimuatkan dalam bentuk digital,” katanya.

Pelancaran Pusat Sumber Digital IASWJ telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh pada 2 November lalu bertempat di perkarangan masjid UTHM.

Pelancaran pusat tersebut merupakan salah satu rangka lawatan kerja Idris ke UTHM selain menyempurnakan beberapa acara lain yang turut dihadiri Naib Canselor UTHM, Datuk Prof. Dr. Mohd. Noh Dalimin.

Sebelum ini, Idris pernah mencadangkan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menggunakan pendekatan Massive Open Online Courses (MOOC) bagi membolehkan pelajar mengakses kuliah mereka di mana-mana pada bila-bila masa sahaja.

Dengan penubuhan pusat sumber digital ini, UTHM menjadi IPTA pertama di Malaysia yang memperkukuhkan pendekatan MOOC ini. Bagi memudahkan pelajar dan masyarakat



Kerjasama ini bukan sahaja membabitkan soal penyediaan bahan-bahan ilmu Islamik secara digital, tetapi turut melibatkan penelitian rapi oleh kumpulan pakar bagi memastikan bahan tersebut benar-benar mengikut fahaman ASWJ.”

mengakses bahan pusat sumber digital itu, UTHM turut menyediakan kiosk berbentuk santai di perkarangan Pusat Islam, Masjid UTHM.

Untuk rekod, idea Penubuhan IASWJ di UTHM tercetus apabila Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang juga Canselor UTHM bertitah supaya institusi di Johor menyediakan satu pusat sumber islam bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan ajaran agama ini berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Sultan Johor bertitah demikian semasa berlangsungnya majlis Multaqa Ulama dan Ilmuan Johor sempena Hari Keputeraan Baginda pada 27 Mac 2012.

Selaras dengan misi UTHM iaitu komited mewujudkan dan menyebarkan pengetahuan bagi memenuhi keperluan industri, komuniti dan modal insan yang kreatif berasaskan paradigma tauhid, penubuhan IASWJ ini dilihat sangat relevan dan seiring dengan objektif penubuhannya.

Pengguna Internet boleh mengakses Pusat Sumber Digital ini menerusi alamat www.iaswj.com.